

Ruj. Kami : AIM/JPU/700-03/04
Tarikh : 30 Mei 2020

Kepada,

**SEMUA WARGA KERJA
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
Melalui Penyelia Masing-Masing**

**PEKELILING JABATAN PENGARAH URUSAN
BILANGAN 4, TAHUN 2020
KUATKUASA PELAKSANAAN MESYUARAT PUSAT DAN KUTIPAN BAYARAN**

Salam Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai buat semua warga kerja AIM.

Dengan hormat saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Jabatan Pengarah Urusan Bilangan 3, Tahun 2020 AIM/JPU/700-03/04 (19), bertarikh 27 Mei 2020.

2. Dimaklumkan bahawa pelaksanaan Mesyuarat Pusat (MP) kekal berkuatkuasa mulai **31 Mei 2020** manakala semua Kutipan Bayaran akan berkuatkuasa mulai **1 Julai 2020**.

KAEDAH PELAKSANAAN MESYUARAT PUSAT BAGI TEMPOH 31 MEI HINGGA 30 JUN 2020

3. Hanya pusat-pusat yang telah mendapat kelulusan pihak berkuasa dan mempunyai tempat untuk bermesyuarat sahaja yang dibenarkan melaksanakan MP dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Melaksanakan amalan-amalan pengendalian MP seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Jabatan Pengarah Urusan Bilangan 3, Tahun 2020 AIM/JPU/700-03/04 (19), bertarikh 27 Mei 2020 bagi mencegah penularan wabak covid-19.
- ii) Agenda MP:

1	Pembukaan : Bacaan Al-Fatihah dan Ikrar
2	Pengesahan Minit Mesyuarat lalu
3	Laporan Perkara Berbangkit
4	Pengesahan Kehadiran Sahabat
5	Pembentangan Permohonan: Pembiayaan/ Tangguh Bayar Balik/ PJS/ TKKS/ PTK/ Kontra/ Ben 9 dan TKH
6	Hal-hal lain

*"Memperkasakan Sosioekonomi Isi Rumah Berpendapatan Rendah
Menjadi Tanggungjawab Warga Kerja AIM"*

- iii) Kehadiran Minggu Pertama (31 Mei hingga 5 Jun 2020):
 - a. Kepimpinan Pusat (Ketua Pusat, Setiausaha dan Bendahari)
 - b. Semua Pengerusi Kumpulan atau Setiausaha Kumpulan atau Wakil
 - c. Pegawai Amanah (PA)
- iv) Kehadiran Minggu Kedua hingga Keempat (7 Jun hingga 30 Jun 2020):
 - a. Kepimpinan Pusat (Ketua Pusat, Setiausaha dan Bendahari)
 - b. Semua Pengerusi Kumpulan atau Setiausaha Kumpulan atau Wakil
 - c. Pegawai Amanah (PA)
 - d. Sahabat yang bercadang membuat permohonan secara bergilir.
 - e. Maksimum kehadiran dalam MP: 16 orang termasuk PA
- v) Kedudukan dalam MP seperti di dalam Lampiran 1 dan 2.
- vi) Keperluan mengadakan **Mesyuarat Kumpulan** sebelum MP.
 - a. Mesyuarat Kumpulan diadakan sebelum MP pada minggu kedua dalam bulan Jun 2020.
 - b. Mesyuarat Kumpulan diadakan setiap minggu sehingga 1 Julai 2020.
 - c. Semua ahli kumpulan wajib hadir. Kehadiran akan direkodkan dalam Penyata Kutipan Mingguan (M6) semasa MP.
 - d. Agenda Mesyuarat Kumpulan:
 - i. Perkara berbangkit
 - ii. Pembentangan permohonan pembiayaan, Tangguh Bayar Balik, Penjadualan Semula (PJS), Tabung Kumpulan (TK), Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS) dan Tabung Khairat Hutang (TKH). Sahabat yang ingin membuat permohonan perlu hadir ke MP.
 - iii. Hal-hal lain
 - e. Semua keputusan diminitkan dalam Minit Mesyuarat Kumpulan seperti dalam Lampiran 3.
- vii) Minit Mesyuarat Kumpulan dibentangkan di dalam MP yang meliputi rekod kehadiran dan semua permohonan daripada Sahabat.
- viii) Semua ahli yang hadir dalam MP bertanggungjawab meluluskan atau menolak permohonan sahabat.

KAEDAH PELAKSANAAN MESYUARAT PUSAT BAGI YANG BELUM MENDAPAT KELULUSAN PIHAK BERKUASA

- 4. Bagi pusat-pusat yang tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa untuk melaksanakan MP:
 - i) Pengerusi Kumpulan mengadakan Mesyuarat Kumpulan (setiap minggu) seperti perkara 3 (iv) di atas.
 - ii) PA perlu mengatur perjumpaan dengan Ketua Pusat dan Pengerusi Kumpulan dalam kumpulan-kumpulan kecil (setiap minggu) di tempat yang dipersetujui

seperti di pejabat cawangan, kedai makan atau lain-lain tempat yang bersesuaian.

- iii) Perjumpaan ini bertujuan mengumpul Minit Mesyuarat Kumpulan bagi mendapatkan maklumat cadangan sahabat seperti permohonan pembiayaan, Tangguh Bayar Balik, Penjadualan Semula (PJS), Tabung Kumpulan (TK), Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS) dan Tabung Khairat Hutang (TKH).
- iv) PA menyerahkan semua Minit Mesyuarat Kumpulan kepada Pengurus Cawangan.

PELAKSANAAN MESYUARAT PUSAT MULAI 1 JULAI 2020

5. Mesyuarat Pusat dilaksanakan mengikut Pekeliling Jabatan Pengarah Urusan Bilangan 3 Tahun 2020 AIM/JPU/700-03/04 (19), bertarikh 27 Mei 2020 tanpa sesi taklimat/ simulasi MP.

TANGGUNG JAWAB PENGURUS WILAYAH DAN PENGURUS CAWANGAN

6. Bagi MP yang belum mendapat kelulusan pihak berkuasa, Pengurus Wilayah dan Pengurus Cawangan bertanggungjawab meneruskan usaha mendapat kelulusan.

7. Pusat-pusat boleh melaksanakan MP sejurus selepas mendapat kelulusan pihak berkuasa.

8. Semua permohonan yang telah dibentangkan dalam MP, hendaklah didaftarkan oleh PA dalam SAFIS mulai 14 Jun 2020.

9. Pengurus Cawangan perlu menyediakan laporan yang mengandungi maklumat berkaitan semua permohonan sahabat dan menyerahkan kepada Unit Pembiayaan.

Sekian, terima kasih.

“MEMPERKASAKAN SOSIOEKONOMI ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH MENJADI TANGGUNGJAWAB WARGA KERJA AIM”


Yang diamanahkan,


MOHAMED SHAMIR BIN ABDUL AZIZ
Pengarah Urusan
Amanah Ikhtiar Malaysia

AIM/JPU/700-03/04: LAMPIRAN 1




**KEDUDUKAN MP
12 KUMPULAN
(JUMLAH HADIR: 14 ORANG)**





KEDUDUKAN MP
(Kehadiran PA dan 15 orang Sahabat)



MINIT MESYUARAT KUMPULAN

Tarikh:

Hari:

Masa Mula:

1. Pembukaan : Bacaan Surah Al-Fatihah

2. Perkara Berbangkit

a. _____

b. _____

3. Pengesahan Kehadiran Sahabat – Catatkan Nama Sahabat Yang Tidak Hadir Berserta Alasan

Bil	Nama	Jawatan	Tandatangan (Bagi Hadir) / Alasan Ketidakhadiran
		Pengerusi	
		Setiausaha	
		Ahli	
		Ahli	
		Ahli	

4. Pembentangan Cadangan Pembiayaan/ Tangguh Bayar Balik/ Penjadualan Semula (PJS)/ TKKS/ TKH/ PTK/ dan lain-lain

Bil	Nama	Jenis	Jumlah (RM)

5. Hal-hal Lain

a. _____

b. _____

6. Penutup – Bacaan Surah Al-Asr dan Ikrar

Masa Tamat: